

380 kampung terima peruntukan bersih sistem perparitan

KUALA SELANGOR 2 Dis - Semua 380 kampung di bawah seliaan Jawatankuasa Keselamatan dan Kebajikan Kampung Persekutuan (JKKP) diberikan peruntukan sebanyak RM1,000 bagi menganjurkan kempen gotong-royong membersihkan sistem perparitan.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor, Mat Nadzari Ahmad Dahlan berkata, langkah itu diambil berikutan sikap kerajaan PKR Selangor yang seolah-olah bersikap sambil lewa dalam menyelenggara sistem per-

paritan terutama di kawasan luar bandar sehingga menyebabkan banjir kilat.

"Kita dapati tahap penyelenggaraan longkang terutama di luar bandar sangat ketinggalan dan daif.

"Kebanyakan longkang di kampung-kampung berada dalam keadaan daif menjadikan sampah-sarap tersekat sekali gus tidak lagi mampu menampung kuantiti air ketika hujan lebat.

"Keadaan ini menjadi lebih kritikal ditambah kelemahan sistem

pungutan sampah sehinggakan menjadi punca banjir dan wabak denggi sehingga menyebabkan Selangor mencatatkan kes tertinggi denggi di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Gotong-Royong KEBERSIHAN, KECERIAAN dan KESIHATAN (G3K) di Kampung Sungai Sembilang di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar dan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim.



NOH OMAR (kanan) bersama Irmohizam Ibrahim (dua dari kanan) dan Mat Nadzari Ahmad Dahlan membersihkan parit semasa program G3K di Kampung Sungai Sembilang, Kuala Selangor, baru-baru ini.